

# PESAN

# Cungkil Bakat Anak Muda

Oleh : Azie Zaleha Zulkifli

RABU, 24 APRIL - Ahli Kelab Persatuan Anak seni (PESAN), Sekolah Pengajian Seni (SPS) Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan program orkestra dengan tema "Create Muvis Expose 1", yang diadakan di foyer SPS, pada jam 2 petang melibatkan para akademik SPS dan 300 orang ahli muzik daripada tiga progam yang berbeza di sekolah tersebut.

Program hasil gabungan daripada tiga aliran ; pengajian seni muzik, visual, dan seni kreatif ini bertujuan untuk menggabungkan aktiviti resital daripada tiga aliran pengajian yang berbeza untuk mencungkil bakat dan pengetahuan yang telah ditimba sepanjang pengajian mereka di situ.

Program ini telah menarik perhatian orang ramai yang datang dari luar bagi bersama-sama menyaksikan persembahan hasil daripada gabungan tersebut. Suasana amat menghiburkan apabila

anak-anak muda menunjukkan kehebatan dan bakat masing-masing.

Ahli muzik SPS, Sheldon Elev Baritus Gungkit berkata, acara tersebut banyak pengalaman dan pengetahuan tentang perkongsian idea-idea dari segi susunan muzik dan penggunaan instrumen yang berbeza-beza

Beliau memaklumkan bahawa, acara tersebut telah diadakan buat kali kedua dan akan mengadakan sekali lagi pada hujung semester ini.



Sheldon Elev, 22, pemain muzik SPS